

TARIKH: 26/9/23.  
SURAT KHABAR: Berita Harian.  
MUKA SURAT: 9.

BH  
Selasa/26/9/23

9

## Kuota pengambilan pekerja asing tidak ditambah

**Kuala Lumpur:** Kerajaan tidak menambah kuota untuk pengambilan pekerja asing walaupun Kabinet sudah meluluskan 7,500 kuota bagi subsektor perkhidmatan tukang gunting rambut, pekerja tekstil dan tukang emas.

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Zaini Ujang, berkata kelulusan kuota pekerja asing itu sebaliknya dilaksanakan bagi menukarkan majikan dalam kes sedia ada yang sudah memohon, tetapi ada masalah tertentu termasuk mereka tidak membayar levi.

Katanya, pengambilan pekerja asing bagi tiga subsektor itu dibuka kepada syarikat yang memerlukan mengikut keperluan masing-masing.

"7,500 kuota itu bukan diberi kepada satu atau dua syarikat saja, sebaliknya mana-mana syarikat yang ada keperluan boleh memohon jumlah pekerja diperlukan. Bukan bermakna kuota diluluskan itu untuk diberikan kepada satu syarikat yang mengendalikannya, ini terbuka kepada syarikat yang memerlukan.

"Kita masih menutup kuota pengambilan pekerja seperti diumumkan sebelum ini bermula 16 Mac lalu hingga 31 Disember ini," katanya selepas pelancaran buku karya beliau bersama Datuk Dr Zulkifli Mohd Yusoff bertajuk *Tafsir Mawdu'i Sungai* di Institut Asia-Eropah Universiti Malaya (UM) di sini, semalam.

Pelancaran buku yang diterbitkan Akademi Jawi Malaysia itu disempurnakan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Awal bulan ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan Kabinet meluluskan pengambilan pekerja asing bagi tiga subsektor perkhidmatan iaitu tukang gunting rambut, pekerja tekstil dan tukang emas.

Kerajaan memutuskan untuk menutup pengajian pekerja asing pada 2019 di bawah subsektor perkhidmatan yang dibekukan sejak 2009.

Jabatan Imigresen pada 7 Februari lalu mengeluarkan pekeliling kepada semua pengarah imigresen negeri dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bahawa agensi itu akan menamatkan pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) kepada ketiga-tiga subsektor ini.

Mac lalu, kerajaan menangguhkan permohonan dan kelulusan kuota pekerja asing hingga 31 Disember ini selepas kelulusan kuota pekerja asing dapat memenuhi keperluan guna tenaga oleh industri.